

TEKS UCAPAN

YB DATUK DR ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH

TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP 15TH INDUSTRIAL ARTS & TECHNOLOGY EXHIBITION (INATEX) 2013

PADA

4 OKTOBER 2013 (JUMAAT)

BERTEMPAT DI

DEWAN SULTAN ISKANDAR, UTM JOHOR BAHRU

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM...

YANG BERUSAHA

PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA

PROF.DR. MOHD ISMAIL BIN ABD. AZIZ

TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL MAHASIWA DAN
ALUMNI(HEMA) WAKIL RASMI NAIB CANSELOR

YANG BERBAHAGIA

PROF. DR. RUZAIRI HJ ABDUL RAHIM,

PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

YANG BERUSAHA

ENCIK WAN MOHD ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

PENDAFTAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

YANG BERUSAHA

DEKAN-DEKAN FAKULTI

DEKAN PENYELIDIKAN RESEARCH ALLIANCE (RA)

PROFESOR-PROFESOR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

PENYELIDIK DAN PARA PESERTA INATEX 2013

SERTA HADIRIN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SELAMAT PAGI

1. PERTAMANYA SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PETANG INI DALAM MAJLIS PENUTUP 15TH INDUSTRIAL ART & TECHNOLOGY EXHIBITION ATAU SINGKATANNYA INATEX 2013.

2. SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA KE MAJLIS INI DAN SETERUSNYA MENUTUP PAMERAN DAN PERTANDINGAN INATEX 2013. TAHNIAH DAN SYABAS DIUCAPKAN KEPADA JAWATANKUASA PELAKSANA INATEX 2013 YANG TELAH BERJAYA MENGANJURKAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN YANG BERPERTASI TINGGI DI UTM INI. UCAPAN TAHNIAH INI JUGA SAYA PANJANGKAN KEPADA SEMUA AHLI PANEL PENILAI YANG TELAH MENJALANKAN PENILAIAN DENGAN PENUH TELITI DAN TEKUN UNTUK

MEMASTIKAN PENILAIAN DIBUAT SECARA LEBIH ADIL DAN SAKSAMA.

HADIRIN YANG DIHORMATI

3. PIHAK KERAJAAN SEBENARNYA AMAT KOMITED DALAM USAHA MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERINOVATIF MELALUI PELBAGAI AKTIVITI PAMERAN DAN PERTANDINGAN DI PERINGKAT NASIONAL MAHUPUN ANTARABAGSA TERUTAMANYA MELALUI PUSAT-PUSAT

PENGAJIAN TINGGI IPTA DAN IPTS SELURUH NEGARA. SALAH SATU DARIPADANYA IALAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) YANG UMUM DIKENALI SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI BERLANDASKAN SAINS DAN TEKNOLOGI DAN TELAH SEKIAN LAMA MENJADI PENDAHULU DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI DI MALAYSIA. UTM JUGA TELAH MENCAPAI REPUTASI SEBAGAI GEDUNG ILMU BERTARAF UNIVERSITI PENYELIDIKAN YANG INOVATIF MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIDIKAN DALAM TEKNOLOGI TERMAJU DARIPADA PELBAGAI DISIPLIN,

DENGAN WAWASAN UNTUK MEMBANGUNKAN LEBIH RAMAI
PAKAR DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

4. PENGIKTIRAFAN SEBAGAI UNIVERSITI PENYELIDIKAN
MERUPAKAN CABARAN PALING BESAR YANG PERLU
DIPIKUL OLEH SEMUA UNIVERSITI PENYELIDIKAN
TERUTAMA UTM YANG AKAN MELANGKAH KE FASA MYRA
11. OLEH ITU SELURUH WARGA UTM TERMASUK
PENSYARAH, WARGA KERJA DAN MAHASISWA PERLU
MEMBERI SEPENUH KOMITMEN DAN KERJASAMA AGAR

PENGIKTIRAFAN YANG DIBERIKAN ITU DAPAT DIKEKALKAN SERTA MENJADI CONTOH TERBAIK KEPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN PADA MASA DEPAN. SAYA OPTIMIS DENGAN USAHA YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI UTM MENERUSI PENYUSUNAN STRUKTUR YANG LEBIH MANTAP, PEMBENTUKAN BUDAYA KE AKAR UMBI DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT SECARA MENYELURUH, UTM MAMPU MENJADI SEBUAH UNIVERSITI YANG UNGGUL DI NEGARA DAN JUGA DI RANTAU INI.

HADIRIN SEKALIAN

5. SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG BERTERASKAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI, SAYA MELIHAT UTM MEMPUNYAI KELEBIHAN KERANA DI SINILAH TERKUMPULNYA PALING RAMAI PAKAR KEJURUTERAAN DAN PROFESIONAL YANG MAMPU MENGGERAKKAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI MEMBANTU NEGARA MENCAPAI WAWASAN MENJADI NEGARA MAJU PADA TAHUN 2020.

6. SAYA DIMAKLUMKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA(UTM), PIHAK UNIVERSITI MELALUI INNOVATION AND COMMERCIALISATION CENTRE TELAH MEWUJUDKAN SEBANYAK 17 ANAK SYARIKAT UTM(SPIN- OFF COMPANIES) UNTUK MEMASARKAN HASIL PENYELIDIKAN DAN CIPTAAN YANG TELAH DIUSAHAKAN OLEH PENYELIDIKAN UTM.

7. SEHINGGA SEPTEMBER 2013 JUGA SEBANYAK 3151 INTELLECTUAL PROPERTY (IP) TELAH DIDAFTARKAN DAN 56 HASIL INOVASI TELAH DIKOMERSIALKAN YANG MEMBERI

JUMLAH PENDAPATAN KASAR KEPADA UNIVERSITI LEBIH 12 JUTA RINGGIT. LANGKAH KERAJAAN MEMBERIKAN PENUMPUAN DAN GALAKAN PENUH TERHADAP PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INOVASI DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) MEMBUKTIKAN BIDANG INI MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH UNTUK DIKOMERSIALKAN.

HADIRIN SEKALIAN

8. HARI INI, SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) BUKAN LAGI “SAINS UNTUK SAINS”, TETAPI STI ADALAH KUNCI KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA MAJU DAN MEMPUNYAI PERANAN DALAM PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI NEGARA. MAKA, STI PERLU DIPERKUKUH DAN DIARUS PERDANAKAN DI SEMUA PERINGKAT. SEGALA BENTUK PENINGKATAN, INOVASI, DAN PEMIKIRAN DI LUAR KOTAK PERLU DIGARAP DAN DIMANFAATKAN MELALUI PENYERTAAN INATEX 2013 INI.

9. SUKA SAYA MAKLUMKAN DI SINI, PAMERAN INATEX BANYAK MEMAINKAN PERANANNYA DALAM MEMASTIKAN SETIAP PRODUK R&D YANG BERPOTENSI UNTUK DIKOMERSILKAN DAPAT DIPAMER KEPADA PIHAK LUAR, KHUSUSNYA PIHAK INDUSTRI, AGAR DAPAT DILIHAT DAN DIBERI PANDANGAN UNTUK PENAMBAHBAIKKAN SEBELUM IANYA DIPASARKAN. SELAIN DARIPADA ITU, INATEX JUGA DIJALANKAN UNTUK MEMBERI RUANG KEPADA PAKAR-PAKAR DI UTM UNTUK BERINTERAKSI DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT DAN BERKONGSI PELBAGAI ILMU BARU DAN TEKNOLOGI TERKINI

YANG TERDAPAT DI PASARAN. INATEX MERUPAKAN PROGRAM PAMERAN TAHUNAN UNIVERSITI YANG BERTUJUAN MEMPROMOSIKAN INOVASI-INOVASI DAN TEKNOLOGI TERKINI YANG DIBANGUNKAN OLEH PARA PENYELIDIK DI UTM.

HADIRIN SEKALIAN

10. SAYA BERHARAP MEKANISME DI DALAM ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN DALAM PAMERAN DAN PERTANDINGAN INATEX 2013 INI AKAN MENDAPAT MENYUBURKAN LAGI BUDAYA INOVASI DAN KREATIVITI DI UNIVERSITI. SAYA JUGA MENYERU SEMUA WARGA UNIVERSITI UNTUK BERSAMA-SAMA MEMPERKASAKAN INOVASI DALAM TUGAS, PENYELIDIKAN DAN

PEMBELAJARAN KEARAH PEMBENTUKAN CARA HIDUP YANG LESTARI.

11. KEPADA PARA PEMENANG ANUGERAH SAYA UCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS DI ATAS KEJAYAAN SAUDARA-SAUDARI DAN SAYA BERHARAP KEJAYAAN INI AKAN MENJADI PERANGSANG UNTUK PENYELIDIK UNIVERSITI BEKERJA LEBIH TEKUN LAGI PADA MASA AKAN DATANG. SAYA JUGA BERHARAP PARA PENYELIDIK UTM TIDAK AKAN BERPUAS HATI DAN SELESA DENGAN

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN INI SEBALIKNYA TERUS BERUSAHA SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMPERTINGKATKAN HASIL PENCAPAIAN BAGI MERAH KEJAYAAN DI PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

12. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN INATEX 2013 INI DAN TIDAK LUPA UCAPAN TERIMA KASIH TIDAK TERHINGGA KEPADA PARA

PENYELIDIK UTM ATAS SEGALA USAHA YANG GIGIH DALAM MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENYELIDIKAN DAN MENYERTAI PERTANDINGAN INATEX DI SAMPING MENYUMBANG KEPADA EKOSISTEM INOVASI UNIVERSITI DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

13. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA
DENGAN RASMINYA MENUTUP PAMERAN DAN
PERTANDINGAN 15TH INDUSTRIAL ART & TECHNOLOGY
EXHIBITION (INATEX) 2013.

SEKIAN,

WABILAHILTAUFIKWALHIDAYAH

WASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHHIWABARAKATUH

